

**PANDUAN  
PENYAMPAIAN KHUTBAH DAN KHATIB JEMPUTAN  
DI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**1. KHUTBAH**

- 1.1. Khutbah hendaklah disampaikan dengan sempurna dan memenuhi rukun-rukun khutbah dan syarat-syarat mengikut Mazhab Syafie sepertimana yang diamalkan di Negara ini.
- 1.2. Setiap Khatib yang bertugas hendaklah menggunakan teks khutbah yang diterbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan sahaja.
- 1.3. Khutbah yang akan disampaikan boleh dimuat turun daripada laman sesawang Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan di <http://ekhutbah.ns.gov.my> setiap minggu.
- 1.4. Sekiranya khutbah yang ingin disampaikan selain daripada teks yang dibekalkan oleh JHEAINS, maka kebenaran bertulis hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.
- 1.5. Khutbah yang disampaikan tidak boleh menyentuh isu-isu politik kepartian dan sensitiviti kaum atau agama serta menjaga adab sopan dari segi bahasa dan penyampaiannya.
- 1.6. Khutbah Kedua mestilah mengandungi doa kepada **DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir / YTM Dato' Undang Luak Sg. Ujong Dato' Klana Petra Dato' Hj. Mubarak Bin Dohak / YTM Dato' Undang Luak Jelebu Dato' Mandika Menteri Akhirul Zaman Dato' Haji Maarof Bin Haji Mat Rashad / YTM Dato' Undang Luak Johol Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Dato' Haji Mohamad Bin Haji Abdullah / YTM Dato' Undang Luak Rembau Dato' Lela Maharaja Dato' Haji Muhamad Sharip Bin Haji Othman dan YTM Tunku Besar Tampin Tunku Syed Razman Bin Tunku Syed Idrus Al-Qadri mengikut luak / wilayah masing-masing.**

**2. KHATIB**

- 2.1. Khatib hendaklah memastikan penyampaiannya tidak bercanggah dengan dasar kerajaan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Malaysia.

- 2.2. Khatib dilarang menyentuh perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar dan tidak selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah atau fahaman yang boleh menimbulkan kekeliruan dan perpecahan antara umat Islam.
- 2.3. Penyampaian khutbah hendaklah berdasarkan pandangan Mazhab Syafie dan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- 2.4. Tidak menyentuh bidang kuasa Yang Di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin.
- 2.5. Tidak menghina mana-mana pihak berkuasa agama.
- 2.6. Khatib hendaklah berpakaian kemas dan sopan semasa menyampaikan khutbah.